

SIRI 2

REVOLUSI BAHASA DAN ASAS TAMADUN

BATU BERSURAT PERTAMA DUNIA

Prof. Dr. Solehah Yaacob
Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences
International Islamic University Malaysia

Siri 2: 8 Mei 2020

Tajuk: Batu Bersurat Pertama Dunia

https://www.facebook.com/pkpimalaysia/videos/1046484432414823?vh=e&d=n&sfn_s=mo

Siri 2: <https://youtu.be/FpqPWqBLMgs>

EPIK *GILGAMESH* DAN PENULISAN MISMARIYYAH

Epik *Gilgamesh* merupakan hasil tulisan kuno yang dianggap paling awal pernah dijumpai setakat ini. Ditemui oleh seorang British bernama George Smith pada tahun 1862, sejumlah 12 tablet dikumpulkan, dan pada setiap tablet itu terkandung bait syair yang setiapnya mempunyai 300 baris (Samuel Noah Kramer, 1959: 150, 151, 183 – 184). Ahli arkeologi berpendapat bahawa tablet ini merupakan batu bersurat yang paling lengkap pernah dijumpai mengatasi bahan dokumentasi sastera lain, termasuklah Illiad dan Odessey karangan Homer (Taha Baqir, 1986: 41) berdasarkan kenyataan Profesor B. Landsberger ketika muktamar di Paris pada tahun 1958. Penceritaan dalam manuskrip ini sangat terperinci dan lengkap jalan penceritaannya, tidak seperti manuskrip lain yang kebanyakannya tidak lengkap atau rosak. Manuskrip ini ditulis sebelum 4000 tahun Sebelum Masihi (Taha Baqir, 1986: 41).



Rajah 2.2 Sebahagian daripada kepingan Tulisan Paku atau Mismariyyah epik *Gilgamesh* yang diambil dari jarak dekat.
Sumber: Dengan izin daripada koleksi Profesor Ataulloh Bogdan Kopanski.




Rajah 2.3 Gambaran pelukis tentang Kota Sumer.
Sumber: Dengan izin daripada koleksi Profesor Ataulloh Bogdan Kopanski.

KETEPATAN PENTERJEMAHAN BAHASA AKKADI KE BAHASA INGGERIS

Sekiranya Samuel Noah Kramer, seorang pakar sejarah dan bahasa Sumeria telah mengiktiraf Arnol Poebel (1881-1958) sebagai *The Master of Sumeriological Method* (pakar metodologi pengkajian Sumeria), maka Taha Baqir yang berasal dari Iraq pula dikenali sebagai “pakar bahasa Akkadi pertama”. Beliau berjaya menterjemahkan catatan epik *Gilgamesh* ke dalam bahasa Arab pada tahun 1950 (Taha Baqir, 1986: 30-32) dengan bantuan seorang pegawai dari Jabatan Arkeologi Awam Bashir Francis, setelah diminta oleh *Journal of American*

Society. Terjemahan ini kemudiannya diterbitkan dalam *Jurnal Sumer* pada tahun 1950 (sila lihat Taha Baqir, 1986: 64). Pada hakikatnya, terjemahan bahasa Inggeris yang terdapat pada ketika itu masih lagi dalam bentuk terjemahan harfiah atau literal tanpa disusuli pemahaman yang menyeluruh tentang penceritaan yang tercatat pada batu bersurat tersebut. Oleh itu, berkemungkinan pihak *Journal of American Society* meminta jasa baik Profesor Taha Baqir menterjemahkannya bagi membandingkannya dengan terjemahan lain yang sedia ada.



Rajah 2.4 Tulisan Paku atau Mismariyyah.

Sumber: Dengan izin daripada koleksi Profesor Ataullah Bogdan Kopanski.



Rajah 2.5 Ilustrasi cara susunan huruf dengan menggunakan Tulisan Paku.

Sumber: Dengan izin daripada koleksi Profesor Ataullah Bogdan Kopanski.

Walau bagaimanapun, sekiranya diteliti hasil terjemahan tersebut, didapati terdapat banyak percanggahan dari segi kandungannya. Ternyata kandungan hasil terjemahan itu “tidak bersifat tauhid” (*untauhidic*). Sekiranya Gilgamesh mempercayai banyak Tuhan, bagaimanakah pula beliau boleh menaiki kapal yang sama dengan Utunabishtim, yang

dipercayai merupakan Nabi Nuh a.s. oleh kebanyakan orientalis. Hal ini berdasarkan kebersamaan kisah taufan Nabi Nuh a.s. dengan kisah taufan dalam epik *Gilgamesh* seperti terjemahan Taha Baqir ... "اور- شنابي" السفينة ... (Taha Baqir, 1986: 143; 1952: 85).

Taha Baqir turut menyatakan bahawa penterjemahan ke dalam bahasa Inggeris lebih sukar berbanding dengan penterjemahannya ke dalam bahasa Arab kerana laras bahasa yang digunakan dalam catatan tersebut menyerupai bahasa Arab seperti mendahulukan *fiil*, penggunaan *domir* dalam ayat, penggunaan kaedah *muannas* dan *muzakkar*, dan penggunaan kaedah *mufrad*, *musanna* dan *jamak*. Contoh fonem pada batu bersurat tersebut adalah seperti yang berikut:

Antara kenyataan Taha Baqir tentang persamaan ini termasuklah:

لا يخفي على القراء أن اللغة العربية واللغة الأكادية (وهي اللغة السامية الشرقية التي انتشرت في العراق بالدرجة الأولى وتفرعت عنها لهجات وفروع مختلفة أهمها البابلية والآشورية) تنتميان إلى عائلة لغوية واحدة هي عائلة اللغات السامية أي أنهما من أصل واحد فتتشابهان لذلك بمفرداتها الأساسية وتراكبيهما النحوية.

(Taha Baqir, 1986: 66)

Terjemahan: Tidak dapat disembunyikan oleh pembaca bahawa bahasa Arab dan bahasa Akkadi (merupakan bahasa Semitik Timur yang berkembang di Iraq pada peringkat awal dan penggunaannya meluas sehingga kedua-dua bahasa tersebut melahirkan dialek yang berbagai-bagai, terutamanya dialek Babylon dan Assyur. Kedua-dua bahasa Arab dan Akkadi ini mempunyai asal usul dan dari keluarga yang sama kerana terdapat persamaan dari sudut makna, susunan ayat, dan penggunaan kaedah bahasa dan tatabahasa.

Meskipun terdapat maklumat dalam epik *Gilgamesh* yang ditulis dalam Tulisan Paku tentang kisah banjir besar yang berlaku, seseorang Muslim pastinya akan berpegang dan berpaksikan maklumat yang terdapat dalam al-Quran. Namun begitu, kisah yang mengaitkan Gilgamesh dengan peristiwa tersebut mungkin merupakan suatu kebetulan atau propaganda pihak tertentu semata-mata, dan sekiranya cerita tersebut kisah yang sama, maka sudah tentu pendeta Yahudi menyalin semula kisah ini, lalu dimuatkan dalam Perjanjian Lama yang disebut sebagai Taurat yang tidak asli tanpa menyebut sumber asal cerita yang disalin. Sekiranya ini benar, maka benarlah Taurat telah diubah oleh tangan pendeta Yahudi.

Siapakah Gilgamesh? Gilgamesh ialah watak utama yang diceritakan dalam bait yang tercatat pada epik *Gilgamesh*. Beliau merupakan anak Raja Urk yang dipercayai hidup sekitar tahun 4800 Sebelum Masihi di Mesopotamia. Ayahnya bernama Lugulbanda dan ibunya bernama Ninsun (Taha Baqir, 1986: 49). Epik *Gilgamesh* merupakan kisah sejarah kuno Mesopotamia yang diceritakan dengan lengkap tentang kejadian yang berlaku pada ketika itu, antaranya termasuklah “kisah taufan”. Epik *Gilgamesh* menjadi kisah pengembaraan dalam sejarah orang Sumeria dan Byblon (Samuel Noah Kramer, 1963: 73-269, Magik Khair Bik, 1992: 20-21). Namun begitu, oleh sebab hakikat sejarah yang hanya mengiktiraf data yang berbentuk akademik, maka epik ini dianggap dan dikategorikan sebagai bahan legenda. Oleh itu, pihak Barat tidak mengakuinya sebagai catatan pertama dunia (Taha Baqir, 1986: 41). Persoalannya, epik ini terlalu lengkap penceritaannya untuk ditolak sebagai bahan bertulis pertama yang dijumpai di dunia!

Nama Gilgamesh ini disebut dalam kisah raja Sumeria yang berasal daripada keturunan Wuruka pertama atau disebut sebagai 'الوركاء الأولى'. Generasi ini merupakan keturunan kedua yang memerintah sesudah banjir besar, manakala keturunan Kish yang merupakan golongan bangsawan ialah golongan pemerintah yang memerintah sesudah banjir

besar. Turutan pemerintah yang memerintah sesudah banjir besar yang terdiri daripada keturunan Wuruka yang pertama `الوركاء الأولى` adalah seperti yang berikut:

(1) مسكياك كاشر - memerintah selama 322 tahun, (2) أنمر كار - memerintah selama 320 tahun, (3) لوكال بندا المقدس -, iaitu di bawah pemerintahan دموزي الراعي yang dilahirkan di Eridu - memerintah selama 100 tahun, (4) جلجامش (Gilgamesh) - memerintah selama 126 tahun, dan (5) اور ننگال (anak Gilgamesh) - memerintah selama 30 tahun. Dalam catatan lain, ayah kepada Gilgamesh bukan disebut sebagai “Lugubanda”, tetapi disebut sebagai “Li la” ليل. Beliau merupakan ahli bijak pandai (كاهن كلاب) yang membahagikan bandar وركاء atau dikenali sebagai Shurapak oleh ahli sejarah purba. Bandar ini terbahagi kepada dua bahagian; bahagian pertama dikenali sebagai "اي - أنا" yang merupakan bandar suci ibadat yang khusus untuk tuhan `أنو` dan bahagian kedua pula bandar suci tuhan-tuhan `إنانا` atau dikenali sebagai `Ishtar` عشتار. Mengikut catatan Sumeria (tidak diiktiraf sebagai bangsa dan bahasa Semitik oleh orientalis), Gilgamesh merupakan seorang pemerintah yang memerintah sebuah bandar وركاء di Sumeria sekitar tahun 3000 - 2400 Sebelum Masihi. Catatan Sumeria ini menceritakan kisah “أكا”, iaitu seorang Raja “Kish” yang bermusuhan dengan Gilgamesh. Epik *Gilgamesh* menurut catatan Akkadi (Semitik) bermula sebelum pemerintahan Raja Sargon sekitar tahun 2370 Sebelum Masihi (Taha Baqir, 1986: 51). Sekiranya diamati perbezaan nama Gilgamesh dalam dua versi ini, versi Sumeria menyebutnya sebagai “Gish-Bil-Ga-Mesh”, manakala dalam versi Akkadi perkataan Gilgamesh ini ditulis sebagai tulisan “Is (Gish) - Tu - Bar” yang menyerupai sebutan “Gi- Il - Ga - Mesh”. Dalam catatan batu bersurat Bayblon pula, perkataan ini ditulis “Gish”. Dalam bahasa Parsi ج ditukarkan kepada ك, iaitu كلكمش. Pada catatan bahasa Aramiah yang menceritakan nama Raja Babylon, perkataan Gilgamesh ditulis dengan perkataan ج جيموس atau جلمجوس. Selain itu, dalam catatan Roman ditulis sebagai “Gilgamos”. Apakah makna “Gilgamesh”? Menurut orang Akkadi, Gilgamesh bermakna “pahlawan yang berada di depan ketika berperang”.

Watak Enkidu yang disebut dalam epik Gilgamesh merupakan sahabat baik beliau. Mereka berdua meredah padang pasir untuk bertemu dengan Utunabishtim. Mengikut kedua-dua catatan (Sumeria dan Akkadi), ketika dalam perjalanan mereka berdua berlawan dengan Humbaba, iaitu gergasi yang menguasai hutan Cedar yang paling ditakuti pada ketika itu. Menurut catatan ini lagi, ketika dalam perjalanan, Enkidu jatuh sakit dan meninggal dunia¹. Maka, bermulalah perjalanan Gilgamesh bersendirian di tengah padang pasir yang tiada penghujungnya (Taha Baqir, 1986: 51 – 66).

Dalam perjalanannya, beliau berjumpa dengan seorang perempuan (disebut sebagai صاحب الخانة, iaitu seorang pemilik premis) ketika Gilgamesh bertanya kepada perempuan tersebut tentang maut, ketakutan dan cara untuk melarikan diri daripada ketakutan. Perempuan tersebut menjawab, “ke manakah kamu mahu lari wahai Gilgamesh?. Kehidupan tidak kekal kerana setiap makhluk yang dijadikan oleh pencipta akan mati dan kamu sentiasa gembira seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya (Taha Baqir, 1986: 125 – 128). Perempuan itu menambah lagi:

... Pelayaran merentasi lautan penuh dengan kesusahan. Hanya matahari sahaja yang mampu mengatasinya ... Di sana kamu akan berjumpa dengan seorang lelaki yang bernama Ur Shanabi yang merupakan kapten kapal milik Utunabishtim.

(Taha Baqir, 1986: 139).

Ketika bertemu Ur Shanabi, Gilgamesh disergah olehnya sambil bertanya:

¹ Namun kisah Enkidu dan Gilgamesh ini telah disalah tafsir oleh sesetengah ahli sejarah Barat dengan mendakwa bahawa Enkidu merupakan pasangan sejenis Gilgamesh. Sila lihat S. N. Kramer, 1963.


... Siapakah nama kamu? Adapun aku bernama Ur Shanabi pengikut Utunabishtim. Maka berkata Gilgamesh, “aku bernama Gilgamesh berasal dari Uruk, aku telah berjalan sekian lama merentasi gunung-ganang dan lautan bertujuan mencari engkau wahai Ur Shanabi Sesungguhnya apabila aku melihat wajah kamu aku teringat kepada Utunabishtim

(Taha Baqir, 1986: 141)

Maka, sedarlah Gilgamesh bahawa orang tersebut ialah Utunabishtim yang ingin ditemui sekian lama. Tanpa melengahkan masa, beliau juga turut mengikuti kumpulan tersebut. Setibanya mereka di suatu kawasan bukit, Gilgamesh melihat sebuah bahtera yang telah siap dibina. Tanpa berlengah lagi, beliau bergegas untuk berjumpa dengan Utunabishtim yang dipanggil “datuk”. Setelah itu, Gilgamesh pun menyertai Utunabishtim di dalam bahteranya, lalu menceritakan kepada Utunabishtim kisah perjalanannya yang panjang semata-mata untuk menemui Utunabishtim. Selepas perbualan tersebut, Utunabishtim mengarahkan Gilgamesh menolong Enhilil untuk mengendalikan kapal tersebut. Sementara menantikan keadaan air kembali tenang dan berhenti bergelora, Utunabishtim sempat berdakwah kepada seluruh penghuni di dalam kapal tersebut tentang kewujudan hari sesudah mati, pembalasan hari akhirat dan kepercayaan kepada pencipta yang satu (Taha Baqir, 1986: 144 – 168).

Persoalannya, adakah terjemahan yang dikemukakan itu tepat? Penterjemahan epik *Gilgamesh* yang terawal ke dalam bahasa Arab dihasilkan oleh Profesor Taha Baqir pada tahun 1950 bersama-sama sahabatnya, Bashir Francis. Hasil terjemahan tersebut menerima pengiktirafan penterjemahan kelas pertama, jika dibandingkan dengan hasil terjemahan Alexander Heider, *The Gilgamesh Epic* pada tahun 1946 dan *Ancient Near Eastern Texts*

pada tahun 1950. Kedua-dua penterjemahan tersebut dilakukan secara harfiah dan menampakkan kelemahan dalam penyampaian maklumat (Taha Baqir, 1986: 65 – 66).



Rajah 2.9 Muka hadapan epik *Gilgamesh* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Taha Baqir.

Sumber: Daripada Percetakan Dar as-Syuun at-Thaqafiyah, Baghdad.

Taha Baqir menyatakan bahawa semasa proses penterjemahan dilakukan, beliau mendapati bentuk tatabahasa catatan epik *Gilgamesh* yang ditulis dalam bahasa Akkadi menggunakan tulisan Mismariyyah amat mirip dengan tatabahasa Arab. Ahli bahasa purba mengakui bahawa bahasa Arab dan bahasa Akkadi ialah dua bahasa Semitik Timur yang sangat hampir dari sudut susunan tatabahasanya, iaitu bahasa Akkadi yang berkembang pesat di negara Iraq purba. Kemudian, daripada bahasa Akkadi inilah munculnya dialek Babylon yang dikategorikan sebagai bahasa Semitik (Taha Baqir, 1986: 64 – 68). Seperti yang tercatat dalam terjemahan epik *Gilgamesh* (Taha Baqir, 1986: 64 – 65):

ادرجها في ثبت الترجمات العالمية بل أجلت الاشارة إليها لافرد لها ملاحظات خاصة في الكلام على هذه
الترجمة العربية الحديثة. فقد سبق لي ان اشتركت بترجمتها إلى العربية مع زميلي السيد يشير فرنسيس

المفتش العام في مديرية الآثار العامة وقد نشرناها في مجلة « سومر » عام 1950 معتمدين في ترجمتها بالدرجة الأولى على ترجمة انجليزية كانت احدث ترجمة يومذاك وكانت ترجمة حرفية تقريبا اقتصرت على مطابقتها لتلك الترجمة الانجليزية سطرا بسطر ولم يتسع الوقت لمقابلتها بالنصوص الأصلية الا في مواطن قليلة ولم يراع في نشرها على أنها قصة متسلسلة مطردة . ومنذ ذلك التاريخ أخذت تظهر لها ترجمات أخرى كما نشرت عنها دراسات وبحوث كثيرة وتوفر لي الوقت ان ارجع الى النصوص الاصلية الاكديّة فأقارنها بالترجمات المختلفة . وقد انتهزت فرصة تدريسي للنصوص المسمارية لطلاب قسم الآثار في كلية الآداب منذ عام 1952 وصرت استقي منها بعض النصوص اللغوية لتمرين الطلاب وتجمعت لي مادة كافية لاعادة ترجمتها الى العربية وأخذت الفكرة تتبلور بالتدريج وحاتت فرصة اخراجها الى حيز العمل منذ العام الفائت باقتراح من صديقي الفاضل الدكتور اكرم فاضل بان اقدمها الى وزارة الارشاد لتتشر ضمن سلسلة الثقافة الشعبية التي تصدرها تلك الوزارة وكنت افكر أن تنشر ضمن نشرات مديرية الآثار العامة ولكنني فضلت السبيل الاول بالنظر لتوفر الامكانيات المادية لدى وزارة الارشاد في ضمان سعة انتشارها وتعميم فائدتها في مجال ومدى واسعين .

Terjemahan: Saya menganggap terjemahan-terjemahan ini sebagai terjemahan peringkat dunia yang konsisten, bahkan menjadi rujukan untuk terjemahan Arab moden. Oleh itu, saya menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab moden dengan dibantu oleh Encik Francis, pegawai dari Jabatan Arkeologi Awam. Kami menerbitkannya dalam majalah *Sumer* pada tahun 1950 dan penterjemahan ke dalam bahasa Inggeris ialah terjemahan yang paling terkini pada ketika itu, meskipun hanya berdasarkan terjemahan literal sahaja, atau dengan maksud lain, terjemahan ini terhad kerana berpandukan susunan maksud di dalam teks asal sahaja. Oleh sebab itu, terdapat beberapa buah negara tidak mengiktiraf terjemahan tersebut sebagai sebuah cerita yang lengkap dan konsisten. Bermula dari saat itulah banyak penyelidikan dan terjemahan dilakukan, dan keadaan ini memberikan peluang kepada penyelidik untuk melakukan penyelidikan yang mendalam terhadap teks Akkadi yang asal dan cuba membandingkannya dengan terjemahan yang sedia ada. Oleh itu, saya mengambil peluang untuk mengajar teks batu bersurat ini kepada pelajar di Jabatan Arkeologi, Fakulti Seni sejak tahun 1952. Saya belajar

daripada mereka tentang beberapa teks linguistik ketika latihan mengumpulkan bahan untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Kemudian, saya mengupas idea tersebut menjadi sebuah terjemahan yang lebih mantap. Hasil daripada terjemahan tersebut, Dr. Akram Fadhil yang merupakan sahabat baik saya mencadangkan supaya terjemahan ini diserahkan kepada kementerian untuk diterbitkan dalam siri penerbitan popular budaya yang dikeluarkan oleh kementerian tersebut. Selain itu, saya bercadang untuk menerbitkannya dalam Direktori Antikuiti Umum. Walau bagaimanapun, saya lebih suka dengan cara penerbitan yang pertama, iaitu menyerahkannya kepada kementerian kerana sumber dan bahan di kementerian mudah tersebar dalam pelbagai jarak dan tanpa had.

Taha Baqir juga berpendapat bahawa walaupun terdapat beberapa terjemahan tentang catatan epik *Gilgamesh* yang dihasilkan dalam bahasa Inggeris, Jerman, Rusia, Finland, Denmark dan Hebrew moden, setakat ini belum ada terjemahan yang dihasilkan ke dalam bahasa Asia Timur, seperti bahasa Melayu, Cina, Jepun, dan sebagainya:

راجع الثبت المختار بالترجمات العالمية تجد أنها قد ترجمت إلى اللغات العالمية الشائعة وأهمها: الألمانية والإنجليزية والفرنسية بعدة ترجمات في أزمان مختلفة وإلى الروسية والإيطالية والجيكية والهولندية والدنمركية والفلمندية والجورجية وحتى إلى العبرية الحديثة، ولم نعلم هل ترجمت إلى اللغات الشرق الأقصى لأن بيننا من الببليوغرافيات الحديثة لم تذكر شيئا من ذلك.

Terjemahan: Dilihat terjemahan yang dipilih pada peringkat antarabangsa yang diterjemahkan ke dalam bahasa umum, maka terjemahan ke dalam bahasa Jerman, Inggeris, Perancis dan beberapa terjemahan lain seperti ke dalam bahasa Rusia, Itali, Czech, Belanda, Denmark, Finland, Georgia dan juga bahasa Hebrew moden. Terjemahan ke dalam bahasa lain yang jauh ke bahagian timur tidak diketahui sumbangannya kerana bibliografi moden yang pada hemat kami tidak pernah menyebut tentangnya.

Adakah kisah Utunabishtim dan kapal besar merupakan kisah yang sama tentang taufan dan banjir besar Nabi Nuh a.s. seperti yang disebutkan dalam Taurat? George Smith dan sesetengah sarjana Barat mengakui kisah ini sama dengan yang diterangkan dalam Taurat. Perbezaannya hanya terletak pada nama dan watak yang membina kapal itu dan juga nama bukit tempat tersadainya kapal tersebut. Sejarah Raja-raja Sumeria ada menyatakan bahawa bandar asal usul Utunabishtim ialah bandar kelapan sesudah Kish yang menjadi pusat pemerintahan sebelum banjir besar.

Kramer dalam bab terakhir bukunya, *History Begins at Sumer* mempersoalkan penggunaan bahasa dalam tablet epik *Gilgamesh*. Beliau berpendapat bahawa pada tablet pengenalan tercatat bahasa Akkadi-Babylon. Begitu juga dengan tablet I dan II yang menceritakan persahabatan antara Gilgamesh dengan Enkidu, serta tablet VII dan VIII yang mengisahkan kematian dan pengebumian Enkidu. Kramer mengakui bahawa pengenalan epik ini ialah hasil inovasi orang Babylon, *we may therefore conclude that the introduction to the epic was a Babylon innovation* (Samuel Noah Kramer, 1959: 193). Namun begitu, Said Nuaimi (2009: 320) dalam bukunya *Yanabi` al-Lughah al-Ula* berpendapat bahawa Kramer dengan bantuan dua anak muridnya, Flakenstein dan Jacobson membahagikan kepingan-kepingan batu ini kepada tajuk yang mereka rasa bersesuaian dengan kefahaman mereka seperti “Gilgamesh dan bumi yang penuh dengan kehidupan”, “Gilgamesh dan lembu langit”, “Gilgamesh dan Hakim Kish”, “Gilgamesh dan Enkidu”, “Gilgamesh dan Alam Ghaib” dan “Kematian Gilgamesh”. Menurut Said Nuaimi lagi, berdasarkan pandangan bijak mereka yang berbangsa Akkadi dan Babylon atau ahli sejarah yang berbangsa Iraq, tajuk yang dikemukakan oleh Kramer dan kedua-dua anak muridnya ini ternyata berbeza daripada apa-apa yang mereka kemukakan, iaitu terdapat unsur mereka-reka jalan penceritaan pada batu bersurat tersebut. Namun begitu, Said Nuaimi mengakui bahawa tidak semua maklumat pada batu bersurat ini diubah, bahkan terdapat juga yang kekal tanpa diubah, terutamanya kisah

pertama, kedua dan keempat tanpa mengira ketiga dan kelima. Selain itu, mereka mengambil beberapa maklumat kisah orang Sumeria dan mencampurkannya ke dalam maklumat Epik *Gilgamesh* seperti yang dilakukan terhadap kisah taufan yang ditulis pada tablet ke-11 yang disebut oleh Kramer (1959: 19; Said Nuaimi, 2009: 320) sebagai, *The Sumerian poem known as 'The Deluge' is described in Chapter 20, which gives a translation of the poem's entire flood-episode passage. The flood episode also constitutes the major part of the eleventh tablet of the Babylonian.* Tajuk ke-12 ialah tambahan baharu yang dilakukan pada tahun 2000 Sebelum Masihi. Namun begitu, terjemahan bahasa Arab pada tahun 1950 yang diluluskan tidak seperti naskhah akhir epik yang dikeluarkan ketika zaman akhir Babylon (Said Nuaimi, 2009: 321). Bagi Said Nuaimi, terjemahan yang dilakukan oleh Taha Baqir tiada asas langsung untuk dikaitkan dengan kejadian yang terdapat dalam Bible. Menurut Said Nuaimi, cerita yang mempunyai perkaitan dengan Bible ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kepercayaan bangsa Eropah terhadap agama Kristian. Kemudian, cerita ini diperluas lagi oleh Andrew George yang mencampuradukkannya dengan sejarah Sumeria yang diambil daripada cerita turun-temurun bangsa Sumeri. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa epik ini bukannya terhasil serentak tetapi dikembangkan penceritaannya hasil cerita legenda Sumeria sehingga terbentuk naskhah akhir yang rasmi dan menjadi rujukan umum (Said Nuaimi, 2009: 322). Sebagai seorang pengkaji sejarah, didapati bahasa kuno, kisah batu bersurat epik *Gilgamesh* dan penerimaan umum terhadap naskhah akhir bolehlah dianggap sebagai jalan penyelesaian untuk meneroka alam penulisan zaman purba, melainkan penulis mendapat mandat khusus untuk mengkaji secara terperinci tentang perkembangan kesusasteraan bangsa Akkadi dan Sumeria yang sudah tentunya menghasilkan pendekatan yang berbeza. Kajian seperti ini sudah tentunya melahirkan suatu dimensi berbeza yang lebih berdasarkan maklumat dari perspektif Islam kerana masih bersandarkan terjemahan Taha Baqir secara keseluruhannya.

Begitu juga dapat dilihat di bahagian yang mengisahkan kematian Enkidu dan cara pengebumiannya yang lebih mirip kepada gaya dan cara bangsa Semitik, iaitu cara orang Babylon menguruskan kematian berbanding dengan cara orang Sumeria. Jika dilihat pada versi Sumeria, Enkidu tidak dianggap mati, bahkan dilarikan oleh seekor naga jahat yang bernama “Kur”:

According to Sumerian poem Gilgamesh, Enkidu and the nether world, Enkidu did not die at all in the ordinary sense of the world but was seized and held fast by Kur, a dragon like demon in charge the nether world after had knowing the taboos of the neither world.

(Samuel Noah Kramer, 1959: 194)

Tablet *The Cedar Forest* (Tablet III-V), tablet *The Bull of Heaven* (Tablet VI), tablet *Portions of the 'Quest for Immortality'* (Tablet IX, X, XI) dan *The Deluge Story* (Tablet XI) juga berasal daripada versi Babylon (Samuel Noah Kramer, 1959: 193). Boleh dikatakan bahawa epik *Gilgamesh* kebanyakannya berasal daripada versi Babylon. Begitu juga dengan tablet 12 yang dilihat tidak mempunyai kaitan dengan kisah pada tablet 11. Pada tahun 1930, C. J. Gadd (Sila lihat Samuel Noah Kramer, 1959: 195) mengakui bahawa tablet ini ialah hasil kerja epik Semitik dan bukannya Sumeria.

Mengapakah terlalu banyak andaian yang dikemukakan oleh Kramer atau Gadd? Walhal, apabila dibaca teori mereka tentang epik *Gilgamesh*, ternyata kebanyakan mereka mengakui wujudnya hasil kerja penyair Akkadi-Babylon dan Semitik dalam epik tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa bahasa yang digunakan pada kebanyakan catatan dalam epik *Gilgamesh* ini ialah Akkadi-Babylon, manakala versi Sumeria hanya muncul sekali-sekala.

Persoalannya, mengapakah Barat mendakwa bahawa epik ini daripada tablet Sumeria? Berapakah jumlah sebenar epik *Gilgamesh* ini? atau hanya wujud satu versi yang terjemahan

awalnya dihasilkan oleh Taha Baqir? atau seperti yang disebut dalam pengenalan manuskrip epik *Gilgamesh* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab (Taha Baqir, 1986: 41):

ومع أن هذا الملحمة قد دونت قبل 4000 عام ... ودونت كاملة في بداية الألف الثاني ق.م. ... وإن الملحمة
بشكلها الأكدى (السامى) بدأت تتبلورت في عهد سيطرة السلالة الأكدية السامية التي أسسها سرجون
الأكدى الشهير (في حدود 2350 ق.م.)

Terjemahan: Epik ini ditulis sebelum tahun 4000 Sebelum Masihi ... Epik yang terbentuk dalam bahasa Akkadi (Samiyat) berkembang pada zaman pemerintahan Akkadi yang merupakan bangsa Samiyat yang diiktiraf oleh Kerajaan Sargon yang masyhur sekitar 2350 Sebelum Masihi dan hanya ditulis dengan lengkap pada permulaan tahun 2000 Sebelum Masihi.